

26/05/2002

Maulidur Rasul disambut penuh kesyukuran

ullah; Idzham Hadi; Abdul Rahim Wahab

KUALA LUMPUR: Umat Islam di seluruh negara merayakan hari keputeraan Nabi Muhammad SAW bertemakan "Bersama Hayati Keindahan Islam" dengan penuh kesyukuran dan keinsafan, semalam.

Acara sambutan peringkat kebangsaan dirasmikan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Stadium Putra Bukit Jalil dan turut dihadiri Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sambutan bermula dengan perarakan dari padang letak kereta Stadium Hoki Nasional menuju Stadium Putra yang disertai kakitangan kerajaan dan swasta, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan, penuntut universiti dan maktab serta pelajar sekolah dari sekitar Lembah Klang.

Tuanku Syed Sirajuddin turut menyampaikan Anugerah Maulidur Rasul kepada lapan penerima termasuk dua bukan Islam. Mereka terdiri daripada anggota bomba, tentera, tokoh pendidik dan pengawal keselamatan yang memberikan pelbagai sumbangan kepada masyarakat.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin merasmikan sambutan Maulidur Rasul di Stadium Negeri, yang turut dihadiri Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Dalam titahnya, baginda mahu umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan menghayati kehidupan dan perjuangan Nabi Muhammad untuk menegakkan agama Islam di tengah-tengah kejahilan manusia.

Di JOHOR BAHRU, Tengku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Iskandar bersama isteri, Raja Zarith Sofia dan Menteri Besar Abdul Ghani Othman menghadiri sambutan Maulidur Rasul di Masjid Sultan Abu Bakar.

Ketika berucap pada majlis itu, Tengku Mahkota menasihatkan umat Islam supaya memelihara perpaduan di antara mereka bagi memastikan kekuatan umat dan agama tidak diganggu gugat.

Di ALOR STAR, Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Muadzam Shah mengingatkan rakyat mengetepikan perbezaan pendapat dalam membangunkan syiar Islam.

Pada majlis sambutan di Masjid Zahir, di sini, baginda turut menyampaikan Anugerah Tokoh Pendakwah kepada Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah, Syeikh Abdul Hamid Md Tahir, 61, dan Tokoh Imam kepada Doi Ahmad, 73.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin menyertai acara sambutan di Stadium Hang Tuah. Beliau bersama Ketua Menteri Datuk Seri Mohamed Ali Rustam kemudian menyertai perarakan sejauh tiga kilometer ke Masjid Negeri.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai berkata nikmat keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati sekarang seharusnya disyukuri oleh seluruh umat Islam di Malaysia.

"Kita harus bersyukur kerana keamanan dan kemakmuran negara kita telah membolehkan kita melaksanakan tanggungjawab kepada agama dengan begitu selesa," katanya pada majlis pelancaran sambutan Maulidul Rasul peringkat negeri di Dewan Saadah, Wisma Muis di sini.

Di SEREMBAN, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar, Undang Yang Empat dan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad menyertai perarakan Maulidur Rasul bermula di padang Majlis Perbandaran Seremban menuju beberapa jalan utama seperti Jalan Yam Tuan, Jalan Datuk Krishnan dan Jalan Datuk Bandar Tunggal.

Dalam ucapannya, Tuanku Ja'afar menggesa rakyat menghayati hari

bersejarah ini dengan mengamalkan ajaran Islam sejati.

Di KUANTAN, Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah menghadiri acara sambutan di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, di sini.

Baginda bertitah sebarang masalah besar yang berlaku kepada umat Islam pada masa ini dapat dielakkan sekiranya mereka berpegang teguh kepada konsep persaudaraan sesama Islam.

Di KOTA SAMARAHAN, Yang di-Pertua Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng berkata umat Islam akan ketinggalan sekiranya tidak memanfaatkan pelbagai kemudahan yang disediakan bagi membolehkan mereka mendalami agama Islam.

Sambutan di Stadium Mini, Kota Samarahan, turut dihadiri Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Seri Adenan Satem.

Di PULAU PINANG Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas menghadiri acara sambutan Maulidur Rasul di Dewan Utama Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia.

(END)